



**LAPORAN PENGGUNAAN
WANG TAJAAN
DARIPADA BANK RAKYAT
UNTUK PROGRAM-
PROGRAM DI BAWAH
“PJ CITY FOODBANK”
MAJLIS BANDARAYA
PETALING JAYA -HINGGA
JUN 2017**

1.0 LATARBELAKANG

- 1.1 Pada 23hb Jun 2016, Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah menandatangani perjanjian kerjasama bersama Bank Rakyat bagi penajaan berjumlah RM 1.5 juta kepada PJ City Food Bank untuk tempoh 3 tahun.
- 1.2 Seterusnya pada 1hb September 2016, wang tajaan sebanyak RM 500,000 setahun telah dikreditkan secara rasmi ke Tabung Amanah Pembangunan Mampan MBPJ.
- 1.3 Antara program-program yang telah dirancang bagi penggunaan wang tajaan tersebut termasuklah pembelian 1 buah Food Truck, program “Meals on Wheels” dan program “Free Breakfast for School Kids” kepada pelajar-pelajar sekolah yang kurang berkemampuan di sekitar Petaling Jaya.

2.0 KEPERINCIAN PROGRAM-PROGRAM

2.1 Pembelian & Pengubahsuaian 1 buah Food Truck (*Mobile Pantry*)

- 2.1.1 Majlis telah membuat pembelian 1 buah lori muatan 5 tan yang telah diubahsuai menjadi sebuah food truck (mobile pantry) bagi kegunaan program dapur jalanan dan program sarapan pagi percuma di 13 sekolah-sekolah terpilih.
- 2.1.2 Kos yang terlibat bagi pembelian dan pengubahsuaian 1 buah Food Truck ini adalah sebanyak RM 219,613.80.
- 2.1.3 Majlis Pelancaran “PJ City Food Truck” telah dilancarkan pada 3 Mei 2017 (Rabu) bertempat di Sekolah Kebangsaan Kelana Jaya 2.





2.2 Program “Free Breakfast for School Kids”

2.2.1 Program “Free Breakfast for School Kids” ini melibatkan penyediaan makanan yang sihat dan seimbang secara percuma kepada pelajar-pelajar sekolah (sarapan pagi) seperti roti, susu dan buah epal pada setiap hari Isnin, Rabu dan Jumaat.

2.2.2 Program ini telah dilaksanakan bermula pada 5 Mei 2017 (Jumaat) di sekolah-sekolah yang dicadangkan seperti berikut (berdasarkan cadangan Pejabat Pendidikan Daerah Petaling Utama):

1. Sekolah Kebangsaan Taman Dato’ Harun (1)
2. Sekolah Kebangsaan Taman Dato’ Harun (2)
3. Sekolah Kebangsaan Taman Medan
4. Sekolah Kebangsaan Bukit Lanjan

5. Sekolah Kebangsaan Sri Kelana
6. Sekolah Kebangsaan Seksyen 7 Kota Damansara
7. Sekolah Kebangsaan Damansara Damai 1
8. Sekolah Kebangsaan Damansara Damai 2
9. Sekolah Kebangsaan Lembah Subang
10. Sekolah Kebangsaan Kg. Lindungan
11. Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) Vivekananda
12. Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) Seaport
13. Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) Effingham

2.2.3 Pemberian sumbangan “Free Breakfast for School Kids” ini diberikan kepada 300 orang pelajar pada satu masa dan seramai 3,900 orang murid telah menerima bantuan “Free Breakfast for School Kids” ini.

2.3 Program “Meals on Wheels”

2.3.1 Program “Meals on Wheels” ini merupakan satu program yang menyediakan makanan secara percuma (*feed the hunger*) kepada penduduk dan komuniti di kawasan-kawasan terpilih di Petaling Jaya.

2.3.2 Program ini dilaksanakan bermula Ogos 2017. Pada hari Sabtu atau Ahad setiap minggu di lokasi-lokasi yang dicadangkan seperti berikut:

- PPR Taman Putra Damai Lembah Subang
- Flat Desa Mentari PJS 5 & 6
- Damansara Damai PJU 10
- PPR Seksyen 8, Kota Damansara
- Kg Lindungan, PJS 6
- Taman Medan, PJS 2
- Kawasan-kawasan penduduk berpendapatan rendah yang akan ditentukan dari masa ke semasa

2.3.3 Perbelanjaan bagi Program “Meals on Wheels” ini akan melibatkan pembelian barangan mentah yang akan dimasak secara gotong-royong pada setiap hari Sabtu atau Ahad.

2.3.4 Aktiviti pengagihan sumbangan “Meals on Wheels” ini akan diberikan kepada 500 orang penduduk dan komuniti di kawasan-kawasan terpilih di Petaling Jaya pada satu-satu masa. Majlis menganggarkan seramai 3,000 penduduk akan menerima sumbangan tersebut.

3.0 Perincian Penggunaan Wang Tajaan Daripada Bank Rakyat Untuk Program-Program di Bawah “PJ City Food Bank” Majlis Bandaraya Petaling Jaya Hingga Jun 2017.

Bil.	Perkara	Jumlah
1	Pembelian sebuah lori muatan 5 tan yang akan diubahsuai menjadi Food Truck bagi kegunaan PJ City Food Bank Majlis Bandaraya Petaling Jaya	RM 219,613.80
2	Pembelian Makanan PJ City Foodbank	RM 19,800.00
3	Pembelian Kotak PJ City Foodbank	RM 13,500.00
4	Membekalkan Brochure, T-shirt, Apron, dan Topi PJ City Foodbank serta Merekabentuk dan Mencetak Folder	RM 19,000.00
5	Pembelian Makanan PJ City Foodbank	RM 19,500.00
6	Pembelian Kotak PJ City Foodbank	RM 13,500.00
7	Pembelian Makanan PJ City Foodbank	RM 19,750.00
8	Pembelian Makanan PJ City Foodbank	RM 1,787.30
9	Pembelian Makanan PJ City Foodbank	RM 2,600.00
10	Membekalkan Makanan dan Minuman PJ City Foodbank untuk Free Breakfast	RM 6,750.00
11	Tempahan Barangan Equipment Rental, Booth Pameran , PA Sistem & Manpower Untuk Majlis Pelancaran PJ City Food Truck	RM 18,854.00
12	Mencetak & Membekalkan Brochure, T-Shirt, Topi & Apron PJ City Food Bank & Bank Rakyat Meals On Wheels	RM 14,000.00
13	Membekalkan Makanan dan Minuman PJ City Foodbank untuk Free Breakfast	RM 16,650.00
14	Membekalkan Bahan-Bahan Mentah Untuk Free Breakfast PJ City Foodbank	RM 5,250.00
15	Membekalkan Peralatan dan Perkakasan Memasak, Katering, PInggan Mangkuk dan Lain-lain PJ City Food Bank	RM 19,945.00
16	Membekalkan Makanan dan Minuman PJ City Foodbank untuk Free Breakfast	RM 11,960.00
17	Pembelian Keperluan Program Free Breakfast For School Kids Seperti Paperbag, Air Kotak Dutchlady, Buah Apple dan Roti Gardenia	RM 17,937.60
18	Pembelian Goodies Untuk Program PJ City Food Truck Seperti Eco Bootle, Eco Smart Saver Pad & Non Woven Bag	RM 14,000.00
JUMLAH KESELURUHAN		RM 454,397.70

*Baki keseluruhan sehingga Jun 2017 berjumlah **RM 45,602.30**

4.0 Gambar-Gambar Aktiviti Pengagihan Sumbangan “Free Breakfast for School Kids” Kepada 13 Sekolah Terpilih Sekitar Petaling Jaya.



1. SK Damansara Damai 2



2. SK Seksyen 7, Kota Damansara



3. SK Kg Lindungan



4. SJK (T) Seaport



5. SK Bukit Lanjan



6. SK Sri Kelana



7. SK Taman Dato Harun 2



8. SK Taman Dato Harun 1



9. SK Taman Medan



10. SK Damansara Damai 1



11. SK Lembah Subang



12. SJK(T) Vivekananda



13. SJK(T) Effingham